

**TEKS UCAPAN
YBHG DATO' HAJI ISMAIL BIN MD SALLEH**

**SEMPENA
PERHIMPUNAN BULANAN SEPTEMBER**

**PADA
24 SEPTEMBER 2014
(RABU)**

TERIMA KASIH SAUDARA PENGACARA MAJLIS.

Y.BERUSAHA TN. HAJI IR MOHD SALEH BIN SANTHIMAN
TIMBALAN KETUA PENGARAH (PEMBANGUNAN)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y.BERUSAHA SR AZIZ BIN ABDULLAH
TIMBALAN KETUA PENGARAH (BISNES)
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

Y. BERUSAHA PN. ZURAIDA BTE SHAHARUDIN
PENGARAH KANAN PENGURUSAN
LEMBAGA LEBUHRAYA MALAYSIA

PENGARAH-PENGARAH BAHAGIAN

PEGAWAI DAN KAKITANGAN LLM

TUAN – TUAN DAN PUAN – PUAN YANG DIHORMATI SEKALIAN
ASSALAMUALAIKUM WBT DAN SALAM 1 MALAYSIA.

PENDAHULUAN

1. Terlebih dahulu marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia serta keizinan-Nya, dapat kita berhimpun pada pagi ini bagi meneruskan lagi Program Perhimpunan Bulanan LLM bagi bulan September 2014.

SAMBUTAN KEMERDEKAAN YANG KE 57

2. Alhamdulillah, kita baru sahaja menyambut Hari Kemerdekaan pada 31 Ogos yang lalu. Walaupun masih dalam kesedihan berhubung tragedi MH370 dan MH17, kita dapat menyambut Hari Kemerdekaan dengan perasaan semangat patriotisme dan tema yang dipilih pada tahun ini amat tepat sekali dan sentiasa menjadi sebutan iaitu “Di sini lahirnya sebuah cinta” ,petikan dari lagu Allahyarham seniman tanahair kita Sudirman.

3. Tema yang bagi saya penuh bermakna sebagai seorang rakyat Malaysia dan perlu dihayati sepenuhnya oleh semua warga LLM. Kita tidak seharusnya leka dan terus lali tetapi perlu terus bersatu hati dan berusaha untuk mengekalkan kemerdekaan yang telah kita kecapai sehingga ke hari ini. Di sini saya ingin mengulang semula intipati perutusan YAB Perdana Menteri sempena Hari Kemerdekaan yang ke 57. Terdapat 3 isi penting yang saya ingin disampaikan iaitu:

Pertama: Kita perlu mengukuhkan *solidarity* rakyat Malaysia dalam menghadapi pahit getir cabaran, berdepan dengan dugaan, termasuk kebersatuan dalam kesedihan. Sebagaimana tuan/puan sedia maklum Malaysia telah diuji dengan dua cabaran besar iaitu kehilangan MH370 dan tragedi MH17. Dalam menghadapi dua insiden yang berturutan ini, kita telah dapat menyatukan setiap rakyat Malaysia dalam menghadapi saat sukar. Ini kita dapat lihat dalam satu minit pada pagi 22 Ogos 2014 iaitu Hari Berkabung Negara, semua aktiviti dihentikan seketika untuk memberi penghormatan kepada mangsa MH17. Ini merupakan penyatuan, kesatuan perasaan kita dan tindakan kita bersama.

Kedua: Memupuk keyakinan bahawa kita mampu mencapai apa jua cita-cita sebagai sebuah Negara bangsa jika wujudnya pemikiran yang global. Jika kita ingin menjadikan LLM bertaraf dunia dalam pembangunan, pengurusan dan kawalseliaan lebuh raya, kita perlu bertindak dengan pemikiran global. Langkah yang kita ambil untuk mengwujudkan Green Highway Index merupakan langkah ke arah menyiap siagakan setiap konsesi lebih kompetitif dan berdaya maju dalam melestarikan alam sekitar. Isu Alam Sekitar adalah isu global yang kita ambil kira dalam setiap pembangunan, pengurusan dan kawalseliaan lebuh raya. Ini yang dikatakan salah satu dari pemikiran global di dalam berfikir dan mengambil tindakan.

Ketiga: Mewariskan sebuah Malaysia yang makmur lagi sejahtera. Kemakmuran dan kesejahteraan yang dicapai pada hari ini perlu kita teruskan dan pertahankan demi untuk generasi akan datang. Begitu juga dalam organisasi

kita, pencapaian yang kita kecapai sekarang perlu dipertahankan dan ditambah baik agar pelapis di masa hadapan dapat meneruskan legasi yang ditinggalkan dan mencipta kecemerlangan demi kecemerlangan di masa hadapan.

INTEGRITI DALAM PENGURUSAN KEWANGAN

4. Akauntabiliti dan integriti adalah antara prinsip yang wajib diterapkan dalam setiap penjawat awam. Pelaksanaan tanggungjawab yang diamanahkan dan berintegriti ini akan dapat memastikan peruntukan yang telah diberikan kepada agensi Kerajaan dibelanjakan dengan baik dan mendapat pulangan yang terbaik seperti kepuasan pengguna bagi setiap ringgit yang dibelanjakan.

5. Pengurusan kewangan merujuk kepada proses perancangan, pengagihan dan penggunaan tenaga manusia, modal, aset dan perkhidmatan bagi memenuhi matlamat sesuatu organisasi. Pelaksanaan proses ini hendaklah mematuhi undang-undang, prosedur dan arahan ditetapkan yang sedang berkuat kuasa. Saya ingin menegaskan akauntabiliti dan integriti dalam pengurusan kewangan dapat menjamin bahawa wang awam diuruskan dengan baik dan cekap. Tanpa kedua-dua prinsip ini dalam diri penjawat awam, maka akan terjadilah pembaziran penggunaan sumber manusia, kewangan dan masa, kelewatan dalam menyiapkan sesuatu projek, mengurangkan keyakinan orang awam terhadap pengurusan kewangan dan seterusnya boleh membuka peluang untuk berlakunya penyelewengan, rasuah, salah laku dan salah guna kuasa.

Hadirin yang dihormati sekalian,

1PEKELILING PERBENDAHARAAN (1PP)

6. Sebagai salah satu langkah tranformasi dalam meningkatkan kualiti dan kecekapan perkhidmatan awam, Perbendaharaan Malaysia telah menyempurnakan inisiatif pemurnian semua pekeliling, surat pekeliling, pekeliling kontrak, dan surat arahan perbendaharaan dengan membatalkan yang sedia ada dan menggantikannya dengan satu dokumen versi baru yang dikenali sebagai 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP) yang telah berkuatkuasa mulai 3 Julai 2014.

7. Antara ciri-ciri utama 1PP adalah bertindak sebagai suatu pusat sehenti dan rujukan tunggal bagi sesuatu bidang atau topik berkaitan kewangan dan perakaunan yang boleh dicapai dengan mudah, dimuat turun atau dicetak secara atas talian melalui portal rasmi Perbendaharaan (www.treasury.gov.my). Selain itu, ianya juga mempunyai arkib sebagai rujukan mudah bagi semua pekeliling yang lama.

8. Versi semasa 1PP dibahagikan kepada 7 bidang pengurusan kewangan utama iaitu Pengurusan Belanjawan (PB), Perolehan Kerajaan (PK), Pengurusan Wang Awam (WP), Pengurusan Aset (KP), Pengurusan Kewangan Strategik (PS), Pelaburan Strategik (PA), dan Pinjaman Perumahan (PR).

9. Semua warga kerja LLM terutamanya pegawai perakaunan hendaklah menjalankan apa-apa kewajipan yang ditetapkan oleh arahan-arahan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan mengenai tatacara kewangan dan perakaunan. Sehubungan itu, semua pegawai terlibat hendaklah sentiasa peka dengan perubahan-perubahan terkini dan memahirkan diri dengan 1PP. Ini adalah bagi memastikan semua peraturan yang sedang berkuatkuasa sentiasa dipatuhi dan supaya proses penyampaian perkhidmatan dapat berjalan dengan lancar dan teratur.

PELANCARAN GREEN HIGHWAY INDEX

10. Sebagaimana saya telah menyentuh mengenai kelestarian alam sekitar, kita telah melancarkan Manual Green Highway Index pada 21 Ogos yang lalu. Manual yang dibangunkan hasil kerjasama LLM dan UTM ini mengambil kira elemen-elemen *energy efficiency, sustainable design and construction activities, material and technology, environmental and water management dan social and safety*. Indeks ini akan diaplikasikan di semua lebuhraya bermula dari peringkat perancangan, rekabentuk, pembinaan sehinggalah lebuhraya tersebut beroperasi dan disenggara. Lebuhraya-lebuhraya ini akan melalui proses penilaian hijau oleh jawatankuasa penilaian yang akan ditubuhkan. Penarafan dan penghargaan (rating / award) akan diberi berdasarkan pencapaian dan scorepoint yang diukur. Penarafan bermula dengan tahap 'certificate, silver, gold dan platinum'.

11. LLM sentiasa menyokong aktiviti melestarikan pembangunan negara dengan mewujudkan parameter-parameter khusus bagi mengukur *green level* di sektor pembinaan dan infrastruktur negara. Saya yakin dengan adanya manual ini akan dapat membantu usaha meningkatkan kualiti hijau di malaysia. Ianya juga selaras dengan pelaksanaan **Protokol Kyoto** yang dipersetujui dalam persidangan rangka kerja PBB tentang perubahan iklim (UNFCCC) berhubung isu pemanasan global.

Hadirin yang dihormati sekalian,

PENYIMPANAN REKOD RASMI LLM

12. Sepertimana kita sedia maklum, Akta Arkib Negara 2003, dan Pekeliling Perkhidmatan Bil 5 tahun 2007 – Panduan Pengurusan Pejabat – Bab VI, VII dan VIII menekankan berkenaan dengan pengurusan rekod rasmi jabatan. Di sini saya ingin mengingatkan agar semua rekod rasmi jabatan perlu diurus selaras dengan pekeling yang telah ditetapkan. Ini termasuklah pengurusan minit-minit mesyuarat terutama yang melibatkan Negara dan luar Negara agar setiap tindakan dapat diambil hasil daripada keputusan mesyuarat. Satu mekanisme penyimpanan dokumen rasmi yang lebih teratur perlu diwujudkan dan budaya merekod dan mendokumentasi setiap mesyuarat perlu diamalkan untuk rujukan akan datang.

KONVENSYEN KREATIF DAN INOVATIF LLM 2014

13. Tahun ini kita telah berjaya menganjurkan Konvensyen Kreatif dan Inovatif (KIK) yang mana telah menarik penyertaan sebanyak 11 kumpulan dari syarikat konsesi yang membentangkan idea kreatif dan inovatif mereka di dalam menyelesaikan masalah di tempat kerja. Buat pertama kalinya saya lihat dengan format pertandingan yang baru ini, setiap kumpulan telah berusaha menyiapkan *booth* untuk mempamerkan hasil idea projek mereka di samping memberikan taklimat kepada juri berkenaan dengan projek masing-masing.

14. Saya melihat terdapat beberapa kumpulan yang menyelesaikan masalah yang sama dengan cara dengan idea yang berbeza. Di sini kita lihat setiap kumpulan cuba mencari solusi yang terbaik dengan melihat pelbagai sudut pandang yang berbeza. Konsep pemikiran kreatif dan kritis ini amat penting dan perlu disuburkan oleh setiap penjawat awam bagi meningkatkan mutu dan kualiti perkhidmatan awam yang mendokong hasrat Kerajaan menjadikan Malaysia sebuah negara maju menjelang tahun 2020.

15. Saya telah menghadiri Majlis Anugerah Inovasi Perdana Menteri (AIPM) 2014 yang telah diadakan pada 5 September 2014 di Dewan Perdana, Pusat Konvensyen Antarabangsa Putrajaya. Pusat Transformasi Bandar (UTC) di bawah Kementerian Kewangan telah memenangi anugerah tersebut dan pemenang menerima wang tunai RM1 juta , trofi dan sijil penghargaan. Saya berharap agar LLM dan Syarikat Konsesi dapat mencadangkan satu penghasilan inovasi yang signifikan dan berimpak tinggi kepada negara dan menyertai anugerah seumpama ini di peringkat Kebangsaan.

PENUTUP

Hadirin yang dihormati sekalian,

16. Bagi mengakhiri ucapan, saya ingin menyeru dan mengingatkan warga LLM supaya sentiasa berusaha untuk mengekalkan momentum kecemerlangan dan berkualiti dalam memberikan perkhidmatan terbaik. Semoga kita beroleh manfaat dan pengetahuan yang berguna melalui perhimpunan pada pagi ini.

Wabillahi Taufiq Walhidayah Wassalamu'Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.